

TARIKH	9 / 7 / 2015	SEKSYEN	global
MUKA SURAT	20	RUANGAN	

## Litar pintas punca kebakaran di Makkah

JEDDAH - Satu kebakaran kecil yang berlaku di kawasan seluas 45 meter persegi di bumbung Masjidil Haram, Isnin lalu didakwa berpunca daripada litar pintas.

Jurucakap Pertahanan Awam di Makkah, Saeed bin Sarhan memaklumkan kebakaran itu berlaku di kawasan pembinaan di Masa'a.

"Hasil siasatan awal mendapati insiden itu berlaku selepas plastik yang membalut rasuk besi terkena percikan api dari kabel di kawasan pembinaan tersebut," jelasnya.

Difahamkan, kebakaran itu turut menyebabkan lima termasuk anggota pertahanan awam cedera ringan.

Dalam kejadian berasingan, seramai 23 jemaah dari sebuah hotel di kawasan kejiranan Aljumaizah dipindahkan selepas kebakaran akibat litar pintas berlaku di tingkat enam premis berkenaan. - Arab News



Kebakaran kecil di kawasan pembinaan Masa'a tersebut berlaku pada jam 2 pagi (waktu tempatan), Isnin lalu.